

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pada zaman kerajaan Srivijaya, ilmu pengetahuan yang lebih tinggi ialah ilmu keagamaan dan yang bersangkutan dengannya. Prasasti Melayu Kuno dan Kesusasteraan Melayu klasik yang dicerminkan oleh hikayat-hikayat Melayu memperlihatkan betapa lengkapnya peristilahan Melayu dalam bidang keagamaan dan rohaniah sesuai dengan kehendak zaman itu (Jabatan Pengajian Melayu MPKB:1992)

Sejarah juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah dapat mencapai taraf sebagai bahasa budaya, kesusasteraan dan bahasa pentadbiran di samping bahasa falsafah (Jabatan Pengajian Melayu MPKB:1992). Dari segi teknologi pula, bahasa Melayu sudah cukup berwibawa sebagai bahasa teknologi pramoden.

Gelombang penjajah dari semasa ke semasa, lama-kelamaan menenggelamkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Sebelum merdeka, bahasa Inggeris diberi keistimewaan yang tidak dapat ditandingi oleh bahasa

pengantar di sekolah, institusi pengajian tinggi dan dalam lapangan perdagangan, pentadbiran dan profesional.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sebelum tahun 1957, bahasa Melayu tidak pernah diberi peluang untuk membuktikan kemampuannya, terutama sekali sebagai bahasa ilmu sehingga apabila dijadikan bahasa kebangsaan, timbul keraguan di kalangan tertentu terhadap kemampuan bahasa Melayu.

Pada pertengahan abad ke-20 ini, kita baru berusaha mengembalikan bahasa Melayu kepada taraf yang pernah dan sepatut didudukinya. Selepas merdeka, bahasa Melayu dinaikkan taraf menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu banyak mengambil alih peranan yang dulu dimainkan oleh bahasa Inggeris. Dalam bidang ilmu pengetahuan, khususnya di sekolah dan di institusi pengajian tinggi, bahasa Melayu baku dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pada zaman pembinaan negara yang bererti pembinaan budaya ilmu, pemikiran, ekonomi, sosial dan seluruh sektor penting kebudayaan, maka timbul keperluan menyediakan alat. Salah satu alat penting ialah bahasa. Oleh itu, di samping perancangan ekonomi, politik, pertahanan, kebudayaan, pendidikan dan

sebagainya maka pihak kerajaan patut memberi perhatian kepada perancangan bahasa.

Perlembagaan Malaysia Perkara 152 memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. 'Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parlimen' (Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia, 1982:15).

Sejajar dengan itu juga, kerajaan telah menggubal satu dasar pendidikan kebangsaan bagi melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Di dalam Laporan Razak (1956) disyorkan bahawa bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah bantuan kerajaan (Mok Soon Sang:114). Mulai tahun 1957, pelaksanaan Bahasa Melayu dilakukan secara peringkat demi peringkat untuk mengambil alih tugas sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia melalui pendidikan. Perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah telah menjadi realiti apabila pada tahun 1970, semua mata pelajaran di sekolah jenis kebangsaan Inggeris di dalam darjah satu diajar dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1980 peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dijalankan hanya dalam bahasa Melayu dan pada tahun 1982, peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Melayu (Mohd Khusairi:1983).

Matlamat kerajaan hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dan menengah telah tercapai sepenuhnya. Pelaksanaan bahasa Melayu di peringkat maktab perguruan juga telah berkembang selaras dengan perkembangannya di sekolah. Laporan Razak (1956) menyarankan supaya Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran penting dalam latihan keguruan. Penyata Rahman Talib pula mengesyorkan agar kelulusan bahasa Melayu sebagai syarat wajib untuk kemasukan ke mana-mana skim latihan keguruan (Abdullah Hassan:1987).

Dalam pelaksanaannya bahasa Melayu telah dijadikan mata pelajaran wajib di dalam kursus keguruan semenjak tahun 1957. Program untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di maktab perguruan dijalankan secara beransur-ansur mulai tahun yang sama. Mulai tahun 1970, Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia telah menjadi bahasa pengantar utama untuk kursus perguruan sekolah rendah dan pada tahun 1973 semua maktab perguruan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam hampir semua kursus (Kementerian Pendidikan Malaysia: 1982:98-99).

Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran (1979) menyebut bahasa Malaysia telah digunakan dengan meluasnya di sekolah-sekolah dan dalam masyarakat sebagai bahasa perantaraan pelbagai kaum di negara ini. Dengan ini jelaslah bahawa Bahasa Melayu dapat memainkan peranannya sebagai bahasa pengantar dan bahasa komunikasi untuk perpaduan rakyat.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Walaupun bahasa Melayu atau bahasa Malaysia sudah digunakan sepenuhnya sebagai bahasa pengantar di dalam semua mata pelajaran yang diajar di semua maktab perguruan, namun masih terdapat beberapa kelemahan dalam tingkat pencapaian dan sebilangan besar pensyarah. Pada umumnya penyalahgunaan bahasa masih terdapat khususnya di dalam ejaan, tatabahasa Melayu dan penggunaan istilah (Abdullah Hassan:1987).

Koh Boh Boon (1985) pula pernah membuat satu analisis ejaan dan tatabahasa Melayu yang dilakukan oleh sekumpulan siswa/siswi. Hasil kajian tersebut, beliau membuat kesimpulan bahawa kebanyakan siswa-siswi masih belum biasa dengan Sistem Ejaan Baru bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa ada bukti yang nyata tentang kekeliruan sistem ejaan Rumi baru dan sistem ejaan lama di mana 70% daripada responden tidak mengenal kata 'pelancong', 'pameran', 'perabot', dan 'laporan' sebagai kekecualian keselarasan vokal. Selain itu, siswa-siswi juga tidak dapat membezakan makna penggunaan pasangan perkataan seperti 'penonton' dengan 'penuntun', 'resmi', dengan 'rasmi' dan tempuh dengan 'tempoh'.

Setiap guru bahasa Melayu mestilah dapat menguasai bahasa Melayu dan menguasai kecekapan pedagogi untuk mengajar bahasa Melayu secara berkesan. Mereka harus memperlihatkan kebolehan yang tinggi dalam bahasa yang diajar.

Ekoran itu Koh Boh Boon (1986) membuat analisis tentang kadar penguasaan guru bahasa Melayu dalam penggunaan kata kerja, kata sifat dan kata nama. Kesimpulan kajian beliau menunjukkan bahawa taraf penguasaan perbendaharaan kata yang diperhatikan ke atas bakal guru bahasa Melayu tidak memuaskan. Implikasinya mereka mungkin tidak dapat menjalankan tugas sebagai guru bahasa yang cekap dan berkesan.

Guru merupakan komponen paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam bilik darjah. Penguasaan bahasa Melayu yang baik dan mantap bergantung rapat kepada guru yang cekap, mahir dan dedikasi. Nik Safiah (1980:14) menyatakan bahawa ramai guru yang bukan saja tidak dapat mengajar bahasa Melayu dengan baik tetapi penguasaan bahasa Melayunya amat lemah. Dengan wujudnya ketidakcekapan penguasaan bahasa Melayu, maka implikasi yang mungkin timbul ialah guru memperkenalkan unsur-unsur bahasa yang salah di dalam pengajaran dan seterusnya guru membiarkan kesalahan-kesalahan itu terus dilakukan oleh pelajar-pelajar.

Beberapa kajian kesilapan bahasa di kalangan pelajar membuktikan bahawa pelajar-pelajar melakukan pelbagai kesilapan bahasa. Azman Wan Chik (1983) dalam kajiannya berjudul Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh Murid-Murid Melayu telah berusaha melihat jenis-jenis kesilapan pelajar dalam penulisan karangan. Beliau telah menggolongkan jenis-jenis kesilapan bahasa yang dilakukan

pelajar kepada empat kategori utama iaitu tanda bacaan, penggunaan huruf besar, penggunaan imbuhan dan ejaan.

Omar Mohd Hashim (1978) menyatakan bahawa faktor lain yang menyebabkan mengapa penguasaan bahasa Malaysia baku di kalangan murid-murid tidak dapat mencapai tahap yang tinggi ialah kerana kita mempunyai guru yang berbagai-bagai latar belakang dan tidak mempunyai pengalaman dan latihan yang cukup untuk mengajar Bahasa Malaysia. Pengajaran Bahasa Malaysia merupakan suatu kepakaran yang khas dan oleh itu perlu diberi latihan yang mendalam dan sistematik kepada bakal-bakal guru di maktab perguruan.

Usaha untuk mengesan kesalahan Bahasa Malaysia terus dilakukan dari semasa ke semasa. Pada tahun 1982 satu seminar telah diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 3 hingga 4 Disember 1982. Elemen kesalahan bahasa ini merupakan sesuatu gejala yang kurang sihat dan membimbangkan kerana ia akan menjejaskan kewibawaan mutu Bahasa Malaysia. Unsur ini jelas menggambarkan kelemahan pengajaran Bahasa Malaysia secara menyeluruh di kalangan murid sekolah, pelatih maktab perguruan dan pelajar universiti.

Berdasarkan kajian-kajian dan pandangan di atas jelaslah menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjalankan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa pentadbiran negara dan bahasa ilmu pengetahuan namun masih terdapat beberapa kesilapan khususnya dalam aspek ejaan, tatabahasa dan

sebutan. Menyedari hakikat inilah penyelidik merasakan amat wajar satu kajian kesilapan penggunaan bahasa Melayu baku dilakukan ke atas guru pelatih di maktab perguruan. Penyelidik memilih untuk mengkaji kesilapan penggunaan bahasa Melayu baku di kalangan pelatih guru Maktab Perguruan Kota Bharu memandangkan mereka adalah aset penting bagi mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu baku di sekolah di seluruh negara suatu hari nanti.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tujuan am kajian ini adalah untuk meninjau tahap penguasaan bahasa Melayu baku dari segi penulisan di kalangan guru pelatih semester 3 Diploma Perguruan Malaysia ambilan Januari 2001/2002 Maktab Perguruan Kota Bharu yang sedang mengikuti kursus keguruan dalam pelbagai bidang pengkhususan. Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengenal pasti jenis-jenis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh guru pelatih dalam penulisan bahasa Melayu baku.
- b. Untuk mengenal pasti kekerapan kesilapan dalam penulisan bahasa Melayu baku khususnya dalam aspek ejaan, morfologi dan sintaksis.

- c Untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab yang memungkinkan kesilapan bahasa berlaku dan bagaimana kelemahan itu dapat diperbaiki.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada penulis, pembaca dan pengkaji bahasa pada masa akan datang. Hasil kajian ini adalah penting dan berfaedah untuk maksud yang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu baku, iaitu:

- a. Menjadi rujukan kepada guru pelatih untuk mengenal pasti aspek-aspek kesilapan penggunaan bahasa Melayu baku dalam bidang penulisan.
- b. Membantu guru pelatih menggunakan bahasa yang betul dalam semua urusan rasmi khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.
- c. Menjadi rujukan dan maklum balas kepada pengkaji bahasa akan datang tentang kebolehan guru pelatih dalam penguasaan bahasa Melayu baku.
- d. Membantu guru pelatih mempertingkatkan mutu penguasaan bahasa Melayu baku dan seterusnya lulus cemerlang dalam peperiksaan sijil Kursus Diploma Perguruan.

- e. Memberi petunjuk dan rujukan tentang analisis kesilapan dalam penulisan bahasa Melayu baku yang merangkumi aspek ejaan, morfologi (imbuhan, kata ganda, kata sendi nama) dan sinaksis (ayat selapis, ayat penyata dan ayat tanya). Analisis ini boleh digunakan dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu agar pengajaran guru lebih efektif.

## **1.6 Soalan Kajian**

Kajian ini berusaha untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- a. Sejauh mana kesilapan penggunaan bahasa Melayu baku wujud dalam penulisan karangan berdasarkan aspek-aspek berikut:
  - i. Kesilapan penggunaan imbuhan
  - ii. Kesilapan penggunaan kata ganda
  - iii. Kesilapan penggunaan kata sendi nama
  - iv. Kesilapan penggunaan ayat penyata
  - v. Kesilapan penggunaan ejaan
- b. Sejauh mana kekerapan kesilapan penggunaan imbuhan, kata ganda, kata sendi, ayat selapis, ayat tanya, ayat penyata, dan ejaan dalam penulisan karangan dipengaruhi oleh faktor-faktor minat, usaha

meningkatkan kualiti bahasa, taraf pendidikan ibu bapa, gred dan penguasaan.

- c. Sejauh mana pencapaian gred mata pelajaran Bahasa Melayu mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu baku dalam penulisan esei guru pelatih.

### **1.7 Batasan Kajian**

Untuk kajian ini penyelidik hanya menghadkan sampel kajian kepada 48 orang guru pelatih Diploma Perguruan Malaysia Semester 3 Ambilan Januari 2001, Maktab Perguruan Kota Bharu yang mengambil kursus Pengajian Bahasa Inggeris dan Seni, Pengajian Muzik dan Melayu dan Pengajian Matematik. Sampel terdiri daripada 16 orang guru pelatih lelaki dan 32 orang perempuan yang datang dari seluruh tanah air. Jenis kemahiran bahasa Melayu baku diperhatikan bagi maksud kajian ini terbatas kepada kemahiran penggunaan bahasa tulisan iaitu berdasarkan kepada hasil penulisan karangan guru pelatih semester 3.

Tajuk karangan ialah 'Adakah guru pelatih wajar memakai pakaian seragam semasa hari gerko?' Di antara jenis-jenis kesilapan umum penggunaan bahasa Melayu baku yang akan diberi tumpuan dalam kajian ini terbatas kepada tiga item utama, iaitu :

- a. Kesilapan ejaan.
- b. Kesilapan morfologi iaitu kesilapan penggunaan imbuhan, kata ganda dan kata sendi nama.
- c. Kesilapan sintaksis iaitu kesilapan penggunaan ayat selapis atau ayat inti, ayat tanya dan ayat penyata.

## **1.8 Definisi Operasional**

Kajian ini menggunakan beberapa perkataan dan frasa yang perlu diberikan takrifan seperti berikut :

### **1.8.1 Analisis**

Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1993:36), analisis bermakna penyelidikan dan penghuraian sesuatu persoalan untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau secara mendalam. Analisis dalam kajian ini merujuk kepada penyelidikan secara terperinci tentang kesilapan penulisan bahasa Melayu baku di kalangan guru pelatih Maktab Perguruan, Kota Bharu, Kelantan.

### **1.8.2 Kesilapan**

Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (1993:1110), kesilapan bermakna salah pandangan atau perasaan dan tidak memahami apa yang sebenarnya. Kesilapan juga bererti khilaf atau kekeliruan. Dalam konteks kajian ini, kesilapan merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh guru pelatih akibat kekurangan pengetahuan tentang kaedah-kaedah bahasa semasa belajar bahasa kedua (bahasa sasaran).

### **1.8.3 Analisis kesilapan**

Merujuk kepada penjelasan kajian secara terperinci tentang kesilapan bahasa kedua. Corder (1974) menyatakan bahawa penutur jati juga sering membuat kesilapan dalam bahasanya sendiri. Mereka berkemungkinan besar akan melakukan kesilapan bahasa sama ada di peringkat fonologi, morfologi dan sintaksis. Kesilapan dan kekeliruan aspek-aspek tersebut berpunca dari pengetahuan yang kurang lengkap mengenai tatabahasa yang dipelajarinya. Dalam kajian ini, analisis kesilapan merujuk kepada penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui khususnya dalam bidang penulisan. Di antara aspek-aspek kesilapan yang akan dianalisis ialah imbuhan, kata ganda, kata sendi nama, ayat selapis, ayat tanya, ayat penyata dan ejaan.

#### **1.8.4 Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu ialah bahasa yang biasa digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama. Menurut Ismail Hussein (1993), bahasa Melayu mempunyai sejarahnya sejak beratus-ratus tahun yang lalu iaitu dari zaman Kerajaan Melayu Srivijaya dalam abad ketujuh Masehi. Pada zaman itu bahasa Melayu dikenali sebagai bahasa yang maju sehingga berkembang menjadi bahasa 'lingua franca' dalam abad-abad kedatangan bangsa-bangsa Eropah ke Asia Tenggara. Menjelang tarikh kemerdekaan Malaysia, bahasa Melayu telah dimaktubkan ke dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 152 (1) yang berbunyi, "The National Language of Malaysia Shall be the Malay Language".

#### **1.8.5 Bahasa Malaysia**

Bahasa Malaysia ialah bahasa Melayu. Asmah Haji Omar (1978) menyatakan bahawa Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia. Bahasa Malaysia juga menjadi bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah di Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan. Bahasa Malaysia yang menggantikan nama lamanya Bahasa Melayu bertujuan menanam perasaan milik bersama seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Nama 'bahasa Malaysia' mula digunakan secara meluas selepas berlakunya peristiwa perselisihan kaum di Malaysia pada 13 Mei 1969. Abdullah Hassan (1987) menyatakan bahawa istilah bahasa Malaysia dilahirkan bagi menggantikan istilah

bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan dalam tahun 1969. Kini, muncul pula keperluan untuk kembali menamakannya semula bahasa Melayu seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan negara para 152:1.

#### 1.8.6 Bahasa Melayu Baku

Mengikut Kamus Dewan, perkataan 'baku' bermaksud yang pokok, yang dasar, yang benar atau yang diterima umum sebagai bentuk yang sah, betul dan dijadikan asas perbandingan. Mengikut Kamus Indonesia susunan W.J.S. Poerwadarminta (1953), kata 'baku' bermaksud yang menjadi pokok, yang sebenarnya dan sesuatu yang dipakai sebagai satu ukuran.

Kesimpulannya, bahasa baku ialah bahasa yang betul dari segi ejaan, istilah, sebutan, penggunaan, frasa, ayat, singkatan, tanda baca dan laras bahasa. Dengan lain perkataan, bahasa baku ialah bahasa yang baik dan betul mengikut tatabahasa dan tepat menurut gaya bahasanya.

Menurut Za'ba (1963) bahasa Melayu baku ialah bahasa Melayu yang diukur salah betulnya berdasarkan kepada petua-petua atau garis panduan yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa Melayu seperti buku Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 karyanya sendiri. Ray (1963) berpendapat bahawa bahasa baku ialah sesuatu bahasa yang penyebutannya, perbendaharaan katanya dan penggunaan aspek-aspek morfologi dan sintaksisnya ditentukan oleh golongan-golongan

pemerintah secara rasmi di samping penggunaannya dalam buku-buku ilmiah dan dalam interaksi pengajaran-pengajaran melalui pendidikan formal. Asmah Haji Omar (1970) menyatakan bahawa bahasa Melayu baku ialah bahasa persuratan diajar dan dipelajari secara formal di institusi-institusi pendidikan dan digunakan pula dalam kegiatan-kegiatan rasmi. Beliau juga menyatakan bahawa perkataan 'persuratan' itu merangkumi aspek-aspek penyebutan, pengimbuhan, perbendaharaan kata, frasa, klausa dan ayat. Penggunaannya berhubung kait dengan konteks rasmi seperti dalam persidangan, mesyuarat, sewaktu memberi ucapan dan menyampaikan maklumat.

Mengikut Abdul Hamid Mahmood (1990), penguasaan bahasa Melayu baku bermaksud menguasai semua aspek kebahasaan termasuklah aspek-aspek sebutan, ejaan, istilah, tatabahasa dan kosa kata. Awang Sariyan (1987) pula mengesyorkan bahawa ukuran bahasa yang baik bagi ragam bahasa formal ialah bahasa baku iaitu bahasa yang teratur dan patuh kepada norma-norma tatabahasa. Di samping itu bagi bahasa lisan pula, norma pengucapan yang meliputi sebutan dan intonasi suara juga menjadi ukuran. Untuk bahasa formal berbentuk tulisan, norma yang berkaitan dengan sistem ejaan, morfologi juga difokuskan.

Berdasarkan kenyataan ahli-ahli bahasa di atas, jelaslah bahawa bahasa Melayu baku ialah bahasa lisan dan tulisan yang digunakan secara formal yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah 1989). Sebagaimana yang kita ketahui, Kurikulum Bersepadu

Sekolah Menengah adalah berdasarkan kepada perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1984) dan ia adalah lanjutan dari Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Mengikut peraturan tersebut, bahasa Melayu baku menggunakan tulisan Rumi Bahasa Melayu (1994).

### **1.8.7 Guru Pelatih**

Guru Pelatih ialah bakal guru yang sedang menjalani latihan keguruan di Maktab Perguruan Kota Bharu. Mereka mengikuti kursus keguruan selama enam semester dengan pengkhususan dalam Pengajian Inggeris/Pendidikan Seni, Pengajian Muzik/Pengajian Melayu dan Pengajian Matematik/Masalah Pembelajaran. Kesemua guru pelatih ini adalah bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 2003.

### **1.8.8 Penggunaan Bahasa**

Penggunaan bahasa ialah proses menggunakan sesuatu bahasa sama ada secara lisan atau tulisan. Dalam kajian ini, penyelidik akan memberi penekanan kepada penggunaan bahasa secara tulisan iaitu meliputi aspek ejaan, morfologi (imbuhan, kata ganda, kata sendi) dan sintaksis (ayat selapis, ayat tanya dan ayat penyata).

### **1.8.9 Imbuhan**

Imbuhan terdiri dari bentuk terikat kerana ia tidak dapat berdiri sendiri tanpa adanya bentuk lain sebagai dasar. Imbuhan boleh digolongkan kepada awalan, akhiran, sisipan dan kurungan menurut kedudukannya berhubung dengan bentuk dasar (Abdullah Hassan 1980:116).

### **1.8.10 Kata Ganda**

Kata ganda ialah kata yang terbentuk daripada kata yang diulang atau digandakan sebahagian atau seluruhnya. Kata ganda boleh dibahagikan kepada empat bentuk iaitu kata ganda seluruh, kata ganda separa, kata ganda serentak dan kata ganda berimbuhan (Mohd Dahlan Mohd Ramli dan Rakan-rakan: 1992).

### **1.8.11 Kata Sendi Nama**

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1997), sendi nama ialah perkataan yang hadir di hadapan kata sendi nama misalnya *di, ke, dari, daripada, kepada* dan seumpamanya. Kata sendi nama digunakan untuk membentuk frasa sendi nama seperti *di sekolah, dari bandar, daripada Ahmad, kepada guru* dan lain-lain lagi.

### **1.8.12 Ayat Selapis**

Ayat selapis dikenali juga dengan ayat inti atau ayat dasar, ayat selapis menjadi dasar atau sumber bagi pembentukan ayat lain dalam sesuatu bahasa. Ianya mempunyai subjek dan predikat (Sulaiman Masri: 1988).

### **1.8.13 Ayat Penyata**

Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberi keterangan tentang sesuatu hal.. Ayat jenis ini disebut juga sebagai ayat berita atau ayat keterangan.. Contohnya ialah guru mengajar murid (Nik Safiah dan Rakan-rakan:1995).

### **1.8.14 Ayat Tanya**

Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu (Abdul Hamid Mahmood 1995:129). Ayat tanya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu ayat tanya tanpa kata tanya dan ayat tanya dengan kata tanya.

Ayat tanya tanpa kata tanya ialah ayat yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat. Dalam tulisan, nada

tanya ini dilambangkan dengan tanda soal ( ? ). Contohnya : Encik Ahmad pengurusnya? Ayat tanya dengan kata tanya ialah ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti apa, siapa, berapa, mengapa, bagaimana dan lain-lain lagi . Contohnya : Apa benda itu?

### **1.8.15 Penguasaan**

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Baru (1993:664) mentakrifkan penguasaan bermakna menguasai sesuatu dengan mendalam atau mahir. Penguasaan dalam kajian ini adalah merujuk kepada kemahiran guru pelatih dalam memahami dan menggunakan komponen bahasa dengan betul dan tepat.

### **1.8.16 Morfologi**

Mengikut Kamus Linguistik, susunan Harimurti Kridalaksana (1983:111), morfologi bererti bidang linguistik yang menerangkan fungsi morfem dan kombinasi-kombinasinya. Asmah Hj. Omar (1971:483) pula menyatakan, morfologi ialah peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem. Menurut Nik Safiah Karim (1989:3), morfologi ialah bidang ilmu yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu.

### **1.8.17 Sintaksis**

Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Kita juga dapat memahami bidang sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa ( Nik Safiah Karim dan Rakan-rakan :1995).

### **1.8.18 Ejaan**

Menurut Kamus Dewan, ejaan ialah kaedah atau cara menulis perkataan dengan huruf. Dalam kajian ini pengkaji akan merujuk kepada ejaan baku iaitu ejaan yang betul menurut Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Malaysia terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Semakan 1988) untuk menganalisis kesilapan ejaan dalam penulisan esei pelajar. Beberapa peraturan yang dikemukakan mesti dipatuhi untuk mengeja perkataan dengan betul iaitu keselarasan vokal, kekecualian keselerasan huruf vokal awalan dan kata sendi ' di ..... ' dan ' ke..... ', partikel dan kata ganti singkat.

## **1.9 Kesimpulan**

Keseluruhan bab pertama ini membincangkan tentang kajian yang merangkumi aspek-aspek pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian,

kepentingan kajian, definisi operasional konsep-konsep tertentu dan batasan kajian yang dapat dijadikan rangka rujukan terhadap kajian yang akan dijalankan nanti. Tinjauan literatur atau kajian lepas yang bersandarkan teori-teori berkaitan dan hasil kajian lepas yang berkaitan akan dihuraikan dalam bab yang kedua.